

Tze Liang hilang punca

Gold Coast: Ketika Jack Laugher dari England membalas dendam terhadap Ooi Tze Liang (**gambar**) dengan memenangi acara 3 meter papan anjal semalam, penerjun negara itu jelas gagal memberikan ancaman serius.

Tze Liang mengejutkan Laugher dengan mengungguli acara itu pada edisi Glasgow 2014 tetapi kali ini, dia hanya menamatkan saingan di tangga ke-10 daripada 12 peserta apabila mengumpul 373.75 mata, satu anak tangga di depan rakan senegara Chew Yiewi (347.20).

"Saya sudah cuba melakukan yang terbaik, tapi tidak konsisten di final. Sukar untuk saya terangkan. Ia isu mental. Tiada gangguan lain."

"Saya perlu kembali dan mencari penyelesaian," kata Tze Liang.


Laugher memenangi emas dengan 519.40 mata diikuti penerjun Kanada, Philippe Gagne (452.70) dan wakil Australia, James Connor (438.50).

Yiwei melakukan yang

terbaik hingga terjunan ketiga apabila dia melakukan beberapa kesilapan menyebabkan mata dipotong.

"Saya terlalu memberi tekanan terhadap diri sendiri ketika acara itu dan badan saya tidak mampu menangannya."

"Saya maklum melakukan rutin yang bagus dan terjunan sempurna tapi selepas terjunan ketiga yang teruk, semuanya tidak menjadi buat saya," kata Yiwei.



HARIAN
METRO 13/4/18
P. 95

Nikmat terjun walaupun tewas

Gold Coast: Biarpun diwakili dua atlet bertaraf dunia, Malaysia tetap gagal menyinar dalam saingan 10m platform semalam apabila Cheong Jun Hoong dan Pandelela Rinong pulang hampa.

Namun, berita baiknya adalah atlet negara dilihat lebih menikmati terjunan di bawah ketua jurulatih se mentara Zhang Yukun dan pembantu Christian Brooker.

Zhang mengambil alih daripada Yang Zhuliang, yang mana kontraknya tidak disambung akhir tahun lalu, manakala Brooker dilantik sejak Januari lalu.

Pandelela yang juga bekas pemenang emas Sukan Komanwel paling hampir untuk memenangi pingat, tetapi terjunan terakhir yang buruk menyaksikan dia se kedudukan keempat dengan 340.20 mata, di depan Jun Hoong (322.85).

Pendatang baru negara, Kimberley Bong pula menamatkan saingan di kedudukan ke-10 dengan 294.20 mata daripada lima terjunan.


Sebaliknya, acara itu di

menangi penerjun Australia, Melissa Wu dengan 360.40, diikuti juara bertahan dari Kanada, Meaghan Benfeito (359.75) dan Lois Toulson dari England (344.20).

"Saya kini lebih mencintai sukan terjun sejak banyak mengaplikasi sains sukan (di bawah jurulatih baru). Jika dulu, saya akan menangis (sekiranya gagal), tapi kini saya akan menerimanya dan melihat ke depan," kata Pandelela.

"Jurulatih banyak membantu memastikan emosi kami sentiasa berada dalam keadaan baik. Sudah pasti saya sedih selepas memenangi emas (di Delhi 2010) dan perak (di Glasgow 2014) tapi ia perkara normal... yang penting jangan berputus asa."

Jun Hoong, yang memenangi gelaran dunia 10m tahun lalu, berkata: "Ia antara persembahan terbaik saya sejak kejohanan dunia lalu, jadi saya amat gembira walaupun sepatutnya saya boleh meraih keputusan tersebut sekiranya saya melakukan terjunan pertama dan ketiga dengan lebih baik."



AKSI Pandelela ketika final 10m platform semalam.